



MENYELUSURI SEJARAH PELAKSANAAN PROJEK PERTANIAN BERSEPADU PERLIS 1982-2000

Khairool Anuar Haji Hashim

Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia
khairoolh@gmail.com

ABSTRAK

Sektor pertanian adalah sektor penting kepada negeri Perlis. Selepas merdeka pelbagai rancangan pembangunan pertanian dilaksanakan di negeri tersebut. Salah satu rancangan pembangunan pertanian yang penting dilaksanakan ialah Projek Pertanian Bersepadu Perlis yang ditubuhkan pada 14 April 1982. Kertas kerja ini mengupas pelaksanaan Projek Pertanian Bersepadu Perlis di antara tahun 1982-2000. Tumpuan kajian adalah terhadap pelaksanaan Projek Pertanian Bersepadu Perlis di kawasan utara Perlis. Di dalam kertas kerja ini juga menganalisa sejauhmanakah pelaksanaan Projek Pertanian Bersepadu membantu sektor pertanian dan juga ekonomi masyarakat Perlis yang terlibat dengan sektor tersebut.

Kata Kunci: Projek Pertanian Bersepadu Perlis, masyarakat Melayu, Padang Besar dan Perlis

PENGENALAN

Projek Pertanian Bersepadu (IADP) adalah salah satu rancangan pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia di pertengahan abad ke-20. Pelaksanaan rancangan ini disebabkan kesedaran kerajaan bahawa masyarakat luar bandar jauh ketinggalan berbanding dengan masyarakat di bandar dari segi pendapatan yang diperolehi. Pada tahun 1970, kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia ialah 49.3% meliputi 791,800 isi rumah daripada 1.61 juta isi rumah. Dari jumlah peratus kemiskinan tersebut, kemiskinan yang berlaku di kawasan luar bandar ialah 58.7% dan kemiskinan di kawasan bandar ialah 21.3%.¹ Jumlah kemiskinan yang tinggi di kawasan luar bandar adalah disebabkan bergantung kepada sektor pertanian sebagai pekerjaan utama. Kemiskinan masyarakat yang terlibat dengan sektor pertanian ini seperti yang dinyatakan di dalam *Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980* seperti berikut:

Kadar kemiskinan dikalangan sektor pertanian di Semenanjung Malaysia adalah dianggarkan dalam lingkungan 40% dikalangan pekerja-pekerja ladang hingga 88% dikalangan penanaman padi. Dari segi jumlah mutlak, bilangan terbesar sekali ialah dikalangan pekebun kecil getah (226,000) diikuti oleh penanam-penanam padi (123,000).²

¹ Nik Hashim Nik Mustapha, *Perancangan Pembangunan Pertanian Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996, hlm.117-119.

² *Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980*, Kuala Lumpur: Jabatan Pencetakan Negara, 1976, hlm.52.

Kemiskinan yang berlaku selepas negara mencapai kemerdekaan telah menjadi satu agenda kerajaan mengatasi masalah ini. Oleh sebab kemiskinan berlaku kepada masyarakat luar bandar yang terlibat dengan sektor pertanian maka tumpuan terhadap sektor ini dilakukan. Pembangunan yang dirancang oleh kerajaan membantu petani ialah meningkatkan pendapatan dengan meningkatkan daya pengeluaran petani.³ Bagi meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar salah satu cara dilakukan ialah dengan menubuhkan Projek Pertanian Bersepadu (Projek IADP). Penumpuan terhadap pelaksanaan projek IADP ialah memenuhi keperluan pembangunan yang lebih pesat di kawasan mundur yang berpotensi untuk dibangunkan. Di samping itu, hasrat kerajaan selepas kemerdekaan untuk membantu masyarakat di Malaysia hidup dalam keadaan selesa.⁴

Sejarah Pelaksanaan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu

Pelaksanaan projek Pembangunan Pertanian Bersepadu oleh kerajaan Malaysia telah menjadi satu sejarah kepada negara. Konsep pembangunan pertanian bersepadu telah diperkenalkan pada tahun 1960-an.⁵ Tahun pelaksanaan projek ini juga boleh dirujuk berdasarkan kepada *Laporan Kemajuan Tahunan Projek-Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Tahun 1991* yang dinyatakan seperti berikut:

Konsep pembangunan pertanian bersepadu telah diperkenalkan pada awal tahun 1960-an bagi memenuhi keperluan pembangunan lebih pesat di kawasan-kawasan mundur yang khusus yang mempunyai potensi untuk dibangunkan melalui suatu mekanisma yang bersepadu dan berselaras dikalangan jabatan-jabatan dan agensi dalam menyediakan perkhidmatan sokongan infrastruktur yang wajar dan input-input ladang.⁶

Selepas itu, dilihat secara berperingkat-peringkat Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu telah dilaksanakan. Di antara kawasan yang dinaik tarafkan kepada projek IADP ialah di Besut pada tahun 1971, Terengganu dan diikuti di Johor Barat Fasa 1 pada tahun 1974. Hasil rancangan pembangunan yang telah dilaksanakan tersebut sebanyak 15 buah projek IADP diwujudkan di seluruh negara. Kawasan pelaksanaan projek IADP tersebut ialah:

- i. Barat Laut Selangor.
- ii. Besut.
- iii. Johor Barat.
- iv. Kalaka-Saribas.
- v. Kemasin Semerak.
- vi. Kerian/Sg. Manik.
- vii. Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).
- viii. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).
- ix. Lembah Kedah.

³ *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985*, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1984, hlm.15.

⁴ *Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975*, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1971, hlm.4-5.

⁵ *Laporan Kemajuan Tahunan Projek-Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu 1991*, Bahagian Pengesahan Dan Penilaian Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm.1. (tanpa tarikh)

⁶ *Ibid.*, hlm.1.

- x. Melaka.
- xi. Negeri Sembilan Timur.
- xii. Pahang Barat.
- xiii. Perlis.
- xiv. Pulau Pinang.
- xv. Sungai Samarahan.⁷

Secara keseluruhannya sehingga tahun 1991 Projek IADP yang dilaksanakan di seluruh negara ia meliputi kawasan seluas 4.9 juta hektar. Jumlah keluargatani yang terlibat dengan projek IADP ialah sebanyak 490,000 keluargatani.⁸ Di dalam mencapai hasrat kerajaan membantu masyarakat yang terlibat dengan sektor pertanian projek IADP telah meletakkan tiga objektifnya tersendiri. Di antara objektif tersebut ialah:

- i. membangunkan kawasan-kawasan pertanian yang mundur yang mempunyai potensi untuk dibangunkan.
- ii. meningkatkan tahap pengeluaran pertanian.
- iii. meningkatkan pendapatan ladang isi rumah-isi rumah tani.⁹

Di samping tiga objektif diletakkan untuk mencapai sasaran membasmi kemiskinan di bawah projek IADP tiga strategi juga telah dirancang. Strategi yang dirancang adalah bertujuan mengukuhkan lagi objektif yang disarankan. Di antara strategi tersebut ialah:

- i. menyedia dan meningkatkan kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti saliran dan pengairan, empangan, jambatan dan jalan.
- ii. menyedia dan meningkatkan perkhidmatan sokongan pertanian.
- iii. memudahkan penglibatan petani-petani secara langsung dalam aktiviti-aktiviti kredit, pemasaran dan bekalan melalui peningkatan mekanisma institusi.¹⁰

Pelaksanaan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Di Perlis

Perlis adalah sebuah negeri yang terletak di utara Semenanjung Malaysia. Keluasan negeri Perlis ialah 81,763 hektar. Majoriti penduduk negeri Perlis terlibat dengan sektor pertanian. Secara keseluruhan jumlah yang terlibat dengan sektor pertanian ini ialah sebanyak 77.4%. Jumlah keluarga tani yang terlibat dengan sektor pertanian ialah 32,693 keluarga tani (44.26%). Berdasarkan *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985 Negeri Perlis*, Perlis adalah antara negeri yang masih berada di bawah paras kemiskinan. Kajian tersebut menunjukkan Perlis berada di kedudukan ke-22 di antara daerah di Semenanjung Malaysia.¹¹ Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Chamhuri Siwar dalam *Poverty Profile In Malaysia: Finding From 10 Districts In Peninsular Malaysia* juga menunjukkan negeri Perlis adalah antara 10 negeri yang mempunyai pendapatan penduduk yang terendah di Semenanjung Malaysia.¹²

⁷ *Ibid.*, hlm.1

⁸ *Ibid.*, hlm.2. Lihat juga Mahdzan Ayob, *Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP): Pelaksanaan Dan Pengurusannya*, Serdang, Selangor: Universiti Pertanian Malaysia, hlm.1.

⁹ *Laporan Kemajuan Tahunan Projek-Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu 1991*, Bahagian Pengesahan Dan Penilaian Kementerian Pendidikan Malaysia, op.cit., hlm.1. (Tanpa tarikh)

¹⁰ *Ibid.*, hlm. 2-3.

¹¹ *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985 Negeri Perlis*, hlm.4.

¹² Chamhuri Siwar, *Poverty Profile In Malaysia: Finding From 10 Districts In Peninsular Malaysia* dalam Jamilah Ariffin, *Population Studies Unit University Of Malaya Research Finding And The Gender Dimension In Malaysia*

Disebabkan masalah kemiskinan yang berlaku serta 77.4 peratus keluargatani Perlis yang terlibat dengan sektor pertanian telah menjadi salah satu sebab utama Projek Pertanian Bersepadu dilaksanakan di negeri Perlis. Pada peringkat awalnya bagi mengatasi masalah kemiskinan kerjasama dilakukan dengan kerajaan Kedah. Hasil kerjasama tersebut sebuah konsultan telah dilantik oleh kerajaan Kedah dan Perlis. Bagi negeri Perlis, berdasarkan kajian dari konsultan tersebut kawasan yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi ialah di kawasan utaranya. Hasil kajian dari konsultan tersebut salah satu penyelesaian mengatasi masalah kemiskinan ialah dengan menubuhkan projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (Projek IADP). Oleh itu, di atas cadangan tersebut pada 14 April 1982 Projek IADP telah ditubuhkan di Perlis.¹³ Berdasarkan objektif serta strategi utama penubuhan Projek IADP seperti yang dibincangkan di dalam Bab Sejarah Pelaksanaan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu ia juga diterapkan di Perlis.¹⁴ Walaupun dilaksanakan pada 14 April 1982 tetapi pelaksanaan sepenuhnya Projek Pertanian Bersepadu Perlis adalah pada tahun 1983. Kos perbelanjaan yang digunakan di bawah projek ini ialah sebanyak M\$190 juta.¹⁵

Kawasan Tumpuan Pelaksanaan Projek Pertanian Bersepadu Perlis

Sebelum ditumpukan kajian terhadap kawasan perlaksanaan projek ini di Perlis eloklah dilihat sepantas lalu keadaan bentuk muka bumi Perlis serta ekonomi yang menyebabkan beralakunya kemiskinan. Kawasan Perlis boleh dibahagikan kepada dua iaitu kawasan utara dan kawasan selatan. Kawasan utara terdiri Bintong, Paya, Padang Siding, Mata Air, Beseri dan Titi Tinggi. Kawasan selatan terdiri dari kawasan Arau, Simpang Empat, Guar Sanji serta Seriab. Di antara kedua-dua kawasan ini, kawasan selatan adalah lebih maju berbanding kawasan utara. Ini kerana kawasan ini adalah kawasan utama pengeluaran padi Perlis. Kawasan selatan ini juga dikenali sebagai kawasan Muda Agricultural Development Authority (MADA). Oleh sebab berada di bawah MADA membolehkan banyak kemudahan infrastruktur disediakan. Kemudahan tersebut meliputi kemudahan saliran yang membolehkan petani di sini mengusahakan tanaman padi dua kali setahun.

Kawasan utara Perlis adalah kawasan yang jauh terbelakang dari segi kemudahan infrastruktur terutamanya saliran dan juga jalan raya. Kawasan ini juga dikenali sebagai kawasan luar MADA. Kekurangan kemudahan infrastruktur tersebut menyebabkan petani di kawasan ini memperolehi pendapatan di bawah paras kemiskinan. Petani di sini mengusahakan tanaman padi sekali setahun. Pendapatan diperolehi di bawah \$175.00 sebulan. Keadaan ini juga melibatkan pekebun-pekebun kecil getah yang juga memperolehi pendapatan kurang dari \$175.00 sebulan. Jumlah pendapatan yang diperolehi petani dan pekebun kecil di kawasan utara Perlis adalah kurang dari jumlah RM 350.00 berdasarkan garis kemiskinan yang diletakkan oleh kerajaan pada tahun 1984.¹⁶

¹³ Poverty AMIDST Plenty, Selangor: Pelandok Publications, 1994. Lihat juga Chamhuri Siwar, *Ekonomi Malaysia*, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1987, hlm.7.

¹⁴ Kementerian Pertanian Malaysia, Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Negeri Perlis, Perlis menjelang 1990 Sektor Pertanian, Pejabat Pengarah Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Negeri Perlis, hlm.4-5.

¹⁵ Keterangan lanjut rujuk halaman 3 hingga 4 kertas kerja ini.

¹⁶ Kementerian Pertanian Malaysia, Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Negeri Perlis, Perlis menjelang 1990 Sektor Pertanian, Pejabat Pengarah Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Negeri Perlis, op.cit., hlm.4-5.

¹⁶ Kementerian Pembangunan Negara Dan Luar Bandar, Halcara Baru Pembangunan Kampung Dan Luar Bandar- Konsep Dan Strategi Pelaksanaan, Kementerian Pembangunan Negara Dan Luar Bandar, hlm.1.

Perbezaan penyediaan kemudahan infrastruktur antara kawasan utara dan selatan Perlis adalah disebabkan oleh bentuk muka bumi. Kawasan utara yang diliputi dataran yang berselang-seli dengan batu kapur dan kawasan banjaran batu kapur di sebelah barat.¹⁷ Bentuk muka bumi yang pelbagai ini menyukarkan rancangan pembangunan pada peringkat awalnya. Keadaan ini menjadi salah satu penghalang kepada Rancangan Malaya Pertama (1956-1960), Rancangan Malaya Kedua (1961-1965), Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970).¹⁸

Pelaksanaan Projek Pertanian Bersepadu Perlis pada 14 April 1982 memberi tumpuan utama di bahagian utara. Projek IADP Perlis menumpukan menyelesaikan masalah teknikal terutamanya penyediaan saliran, jalan raya dan juga jalan ladang. Oleh itu, kawasan utara iaitu Bintong, Paya, Padang Siding, Mata Air, Beseri dan Titi Tinggi di beri tumpuan utama kerajaan Perlis. Bagi membantu pesawah padi di kawasan utara, penyelesaian dilakukan dengan membaik pulih 14 skim taliair lama yang tidak berfungsi. Skim taliair lama tidak dapat mengalirkan air yang baik ketika penanaman padi luar musim. Antara saliran yang dibaik pulih ialah Projek Bertaliair Skim Alor Baroh,¹⁹ Projek Bertaliair Kubang Badak,²⁰ Projek Bertaliair Sungai Repoh,²¹ dan Rancangan Kesban di Chuping.²² Proses pembaikan skim ini memberikan kebaikan terhadap 3,337 hektar kawasan tanaman padi.

Di bawah projek IADP Perlis ini juga satu empangan taliair telah dibina di kawasan utara bagi menampung kekurangan sumber air. Melalui Projek Bekalan Air Timah Tasoh di Titi Tinggi, Empangan Timah Tasoh telah dibina.²³ Dengan pembinaan empangan ini dapat menyimpan air sebanyak 4,000,000 meter padu air. Pembinaan empangan ini memberi manfaat kepada kawasan penanaman padi di bahagian barat (hilir) empangan.²⁴ Sumber air mencukupi membolehkan padi dapat ditanam dua kali setahun di kawasan utara Perlis. Pembinaan empangan ini memberi faedah kepada kawasan tanaman padi seluas 2,909 hektar.

Selain penyediaan projek saliran untuk tanaman padi penumpuan juga terhadap pembinaan jalan raya. Jalan adalah penting kerana menjadi penggerak setiap rancangan pembangunan yang dirancang.²⁵ Pembinaan jalan raya juga melibatkan jalan ladang yang diperlukan oleh pekebun kecil getah menaman semula getah baru. Melalui projek ini kawasan-kawasan utara telah disediakan dengan kemudahan jalan raya. Penyediaan tersebut melibatkan dari kawasan Bandar ke luar bandar. Jalan bandar yang diperbaiki ialah

¹⁷ *Draf Laporan Akhir, Pelan Pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa Kampung Batu Bertangkup Perlis oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia Cawangan Utara, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Januari 1992*, hlm.2.5.

¹⁸ *Dasar-Dasar Kerajaan Malaysia, Kertas-Kertas Dasar Utama Kerajaan, Pusat Tadbiran Ekonomi Dan Dasar Awam (PUTERA), Institut Tadbiran Awam Malaysia*, hlm.3. (Tanpa tarikh)

¹⁹ *Negeri Perlis, Warta Kerajaan*, Jil.33, 14 Jun 1990.

²⁰ *Ibid*, Jil. 30, 3 Disember 1987.

²¹ *Ibid*, Jil.33, 8 Februari 1990.

²² *Ibid*, Jil.33, 14 Februari 1990.

²³ *Ibid*, Jil.33, 8 Mac 1990.

²⁴ *Kerajaan Malaysia, Proposed Timah Tasoh Dam Raise Project, Perlis Detailed Environmental Impact Assesment Report, Volome 1 Of 3 Ececutive Summary, December 2011.*

²⁵ *Draf Laporan Akhir, Pelan Pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa Kampung Batu Bertangkup Perlis oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia Cawangan Utara, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Januari 1992, op.cit., hlm.10-3.*

dari Kangar, Arau dan Jejawi. Jalan kawasan luar bandar yang diperbaiki ialah di Chuping, Pauh dan juga Padang Besar.

Fokus lain yang telah dilakukan di bawah projek IADP bagi membantu meningkatkan pendapatan petani di kawasan utara Perlis ialah dengan menyediakan pusat perkembangan peladang. Kesedaran kepentingan pusat perkembangan peladang (PPP) perlu diwujudkan untuk menyalurkan setiap input yang diberikan oleh kerajaan. Di samping itu melalui PPP petani dapat memperolehi setiap maklumat yang disediakan kerajaan. Oleh itu di bawah projek IADP Perlis Pertubuhan Peladang diwujudkan di Bintong, Padang Siding dan Bukit Tinggi, Paya dan Mata Ayer.²⁶

Di samping menumpukan kepada penyediaan kemudahan teknikal, di bawah projek IADP ia juga melibatkan pengenalan beberapa tanaman baru selain padi dan getah. Tanaman-tanaman yang dipilih adalah tanaman yang memberi pulangan dalam jangka pendek serta mendapat permintaan di pasaran. Pemilihan ini secara tidak langsung dapat menambah pendapatan masyarakat di bahagian utara. Di antara tanaman yang digalakkan di bawah projek IADP Perlis ialah mempelam, bunga orkid, kopi, koko dan tebu. Tanaman lain yang digalakkan ialah tanaman kontan seperti sayur-sayuran dan tembikai.²⁷

Perkembangan Sektor Pertanian Perlis di Bawah Projek Pertanian Bersepadu

Penyediaan kemudahan infrastruktur di bawah projek IADP Perlis membolehkan kawasan utara Perlis seluas 38,450 ekar diusahakan dengan tanaman yang syorkan oleh kerajaan Perlis secara komersial. Tanaman-tanaman padi, getah, mempelam, sayur-sayuran dan juga ternakan diusahakan secara bersepadu. Bagi tanaman padi kawasan utara Perlis yang dahulunya ditanam sekali setahun kini dapat diusahakan dua kali setahun. Kawasan tersebut meliputi sawah-sawah di Bintong, Paya, Padang Siding, Mata Ayer, Beseri dan Titi Tinggi yang dapat diusahakan dua kali setahun. Bagi tanaman padi perubahan yang berlaku hasil pelaksanaan Projek IADP Perlis ialah jumlah hasil padi di kawasan utara dapat ditingkatkan melebihi 3 tan serelong. Dari segi kaedah pengusahaan padi, petani-petani di utara bukan sahaja mengusahakan secara bersendirian malah mereka mengusahakan secara berkelompok seperti yang disarankan di bawah Projek IADP. Di antara kampung yang berjaya mengusahakan tanaman padi secara berkelompok ialah di Kampung Kubang Badak seluas 51.9 hektar melibatkan 80 peserta, Kampung Hujung Bukit 51.2 hektar melibatkan 73 peserta, Kampung Behor Inai 86.4 melibatkan 86 peserta, Kampung Kechor 43.2 hektar melibatkan 62 peserta, Kampung Kubang Arang 37 hektar melibatkan 43 peserta, Kampung Pokok Jawi 71 hektar melibatkan 60 peserta, Kampung Kurung Batang 73.84 hektar melibatkan 71 peserta, Kampung Tok Semai 36.92 hektar melibatkan 40 peserta dan Kampung Nisan 130.64 hektar melibatkan 220 peserta.²⁸

Hasil pelaksanaan Projek IADP Perlis juga melibatkan perkembangan terhadap tanaman getah. Kemudahan jalan raya, jalan ladang yang disediakan membolehkan pokok getah tua yang dimiliki pekebun kecil di utara Perlis dapat ditanam semula dengan getah

²⁶ Laporan Kemajuan Pelaksanaan Program LPP Negeri Perlis , 1994., hlm.18

²⁷ Draf Laporan Akhir, Pelan Pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa Kampung Batu Bertangkup Perlis oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia Cawangan Utara, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Januari 1992, op.cit., hlm.2.5.

²⁸ Kajian Pelan Pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa Kampung Nisan Perlis Indra Kayangan 1993-2010, Pejabat Projek Perancangan Pembangunan (Alor Setar) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, hlm.2-25. (Tanpa tarikh)

baru. Pokok getah baru tersebut adalah dari jenis getah yang bermutu. Hasil susu getah dari benih baru tersebut dapat ditingkatkan dari 340 kg sehektar kepada 790 kg sehektar. Kerjasama kerajaan Perlis dengan pihak RISDA membolehkan kawasan getah seluas 2,300 hektar berjaya ditanam dengan getah baru.²⁹ Di antara kawasan utara Perlis yang berjaya ditanam dengan getah baru ialah Kampung Hujung Bukit dan Kampung Baru Batu Pahat.³⁰

Perkembangan lain hasil projek IADP Perlis ialah pengusahaan tanaman mempelam secara komersial. Saranan kerajaan negeri tanaman ini diusahakan sebagai tanaman sampingan di tepi rumah telah menarik minat masyarakat di kawasan utara dan selatan Perlis. Tanaman mempelam ini telah menarik minat 9000 keluargatani di negeri Perlis mengusahakannya. Jenis mempelam yang ditanam ialah jenis Harum Manis Malah galakkan di bawah projek IADP membolehkan tanaman mempelam terus berkembang sehingga menjadi tanaman utama negeri Perlis berbanding tanaman padi dan getah. Permintaan yang tinggi terhadap buah mempelam Harum Manis telah menyebabkan ia diusahakan secara berkelompok dan Mini Estet. Di antara kawasan yang menjadi tumpuan mengusahakan menaman mempelam secara berkelompok ialah di Kampung Kubang Tiga seluas 9.89 hektar, Kampung Baru Sungai Serai seluas 9.84 hektar dan Kampung Titi Tampung.³¹ Manakala kawasan yang mengusahakan tanaman mempelam secara mini estet ialah Projek Mini Estet Balik Bukit seluas 3,645.8 hektar dengan melibatkan penyertaan 4,320 keluargatani, Projek Mini Estet Kampung Balik Baluk dan Mini Estet Paya Kelubi.³²

Penekanan kerajaan Perlis di bawah Projek IADP supaya tanah-tanah kosong dan terbiar ditanam dengan pokok buah-buahan berjaya dilakukan. Pemberian benih buah-buahan seperti rambutan, durian dan dukong oleh Jabatan Pertanian Perlis dapat menarik minat penanam buah-buahan di kawasan Paya, Padang Siding, Arau dan Beseri. Antara kawasan yang berjaya mengusahakan tanaman buah-buahan secara komersial ialah di Kampung Nisan dan Kampung Paya Gembul.³³ Secara keseluruhannya kawasan yang berjaya dibangunkan dengan tanaman buah-buahan ialah di Padang Siding seluas 81 hektar, Padang Pauh seluas 81 hektar, Arau seluas 40.5 hektar dan Beseri seluas 40.5 hektar.³⁴

Saranan kerajaan negeri supaya penduduk di Perlis mengusahakan tanaman kontan untuk menambahkan pendapatan petani di kawasan luar bandar juga telah menarik minat penduduk terutamanya di kawasan utara terutamanya di kawasan Paya, Chuping dan Kok Kelang. Input-input pertanian seperti baja, racun yang diberikan oleh kerajaan negeri melalui Pertubuhan Peladang kawasan juga telah berjaya menarik minat petani

²⁹ Lihat Khairool Anuar Haji Hashim, Pembangunan Ekonomi Masyarakat Melayu Perlis Di Bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) 1971-1990 dalam *Persidangan Intelektual Kebangsaan Malaysia Ke Arah Penjanaan Paradigma Alaf 21 17-18 April 2013 di Dewan Persidangan*, Bangunan E-Learning, Universiti Pendidikan Sultan Idris Anjuran Jabatan Sejarah Dan Jabatan Pengajian Kemasyarakatan Dan Kewarganegaraan, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Sultan Idris, hlm.14.

³⁰ *Draf Laporan Akhir*, Pelan Pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa Kampung Batu Bertangkup Perlis oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia Cawangan Utara, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Januari 1992, op.cit., hlm.2-27.

³¹ *Kajian Pelan Pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa Kampung Nisan Perlis Indera Kayangan 1993-2010*, Pejabat Projek Perancangan Pembangunan (Alor Setar) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, hlm.4-3. (Tanpa tarikh)

³² *Berita Pertanian* Bil 23, Disember 1980, Jabatan Pertanian Negeri Perlis, hlm.4. Lihat juga *Kementerian Pendidikan Malaysia*, Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Perlis, Pejabat pengarah Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Perlis, hlm.6.

³³ *Berita Pertanian* Bil 23, Disember 1980, Jabatan Pertanian Negeri Perlis, hlm.22.

³⁴ *Berita Pertanian*, Bil.25, Januari 1983, Jabatan Pertanian Perlis, hlm.7

mengusahakannya secara komersial. Di antara kawasan yang berjaya mengusahakan secara komersial ialah Kampung Bukit Cabang, Kampung Batu Pahat dan Kampung Kok Kelang.³⁵ Kawasan lain yang mengusahakan tanaman sayur-sayuran ini ialah Kampung Paya Burma yang mengusahakan tanaman sayur-sayuran seluas 4.05 hektar.³⁶

Selain itu, usaha kerajaan negeri menambahkan pendapatan dengan melibatkan diri dengan menternak binatang juga berjaya diterapkan terhadap petani di bawah Projek IADP ini (kawasan utara). Peruntukan yang disediakan di bawah Projek IADP membolehkan petani-petani dan pekebun kecil diberikan bantuan lembu, kambing, ayam serta itik. Bagi ternakan lembu ia diberikan dalam bentuk sistem pawah oleh Jabatan Perhidmatan Haiwan (Veteriner). Kawasan-kawasan yang diberikan lembu di bawah sistem pawah ialah di Kampung Batu Bertangkup sebanyak 15 ekor, Kampung Kubang Tiga sebanyak 5 ekor dan Kampung Baru Panggas sebanyak 15 ekor. Bagi ternakan kambing kawasan yang berjaya diberikan melalui sistem pawah ialah di Kampung Batu Bertangkup sebanyak 15 ekor. Bagi ternakan ayam pula bantuan yang diberikan ialah dalam bentuk anak ayam. Kampung yang berjaya diberikan anak ayam ialah ialah di Kampung Baru Sungai Serai, Kampung Baru Batu Bertangkup sebanyak 300 ekor dan juga Kampung Baru Panggas sebanyak 500 ekor.³⁷

Berdasarkan perbincangan mengenai pelaksanaan Projek IADP di Perlis serta peranannya telah memberi impak yang besar kepada negeri ini. Perkara ini disebabkan penumpuan khusus terhadap kawasan utara telah berjaya membantu meningkatkan pendapatan petani dan pekebun kecil. Ia telah menarik minat petani menyertai setiap program yang dirancang di bawah Projek IADP. Pelaksanaan Projek IADP Perlis ini telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan di Perlis. Pada tahun 1995 terdapat sejumlah 1,002 keluarga miskin di Perlis. Melalui pelaksanaan Projek IADP Perlis yang dilaksanakan bertujuan membasmi kemiskinan berjaya dilakukan. Hasil pelaksanaan projek ini jumlah kadar kemiskinan dapat dikurangkan pada tahun 1997 menjadi 442 keluargatani miskin.³⁸

KESIMPULAN

Pelaksanaan Projek IADP Perlis pada 14 April 1982 adalah menjadi satu sejarah kepada negeri Perlis serta penduduknya. Projek IADP Perlis ini telah berjaya memperkembangkan ekonomi Perlis. Penumpuan terhadap kawasan utara bertujuan meningkatkan pendapatan petani dan pekebun kecil dengan menyediakan kemudahan saliran, jalan raya dan saliran berjaya dilakukan. Penyediaan kemudahan infrastruktur tersebut juga menyeimbangkan di antara kawasan utara dengan kawasan selatan Perlis. Bagi tanaman padi penyediaan kemudahan saliran membolehkan sawah di kawasan utara dapat ditanam padi dua kali

³⁵ *Ibid*, Bil 23, Disember 1980, Jabatan Pertanian Negeri Perlis, hlm.36.

³⁶ *Ibid*, Bil 23, Disember 1980, Jabatan Pertanian Negeri Perlis, hlm.36-38.

³⁷ *Draf Laporan Akhir, Pelan Pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa Kampung Batu Bertangkup Perlis oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia Cawangan Utara, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Januari 1992*, op.cit., hlm.10-19.

³⁸ *Suara Perlis*, Bil.10., Keluaran Kerajaan Negeri Perlis, Mac / April, 2000, hlm.4.

setahun. Begitu juga tanaman getah, penyediaan kemudahan jalan raya dan jalan ladang membolehkan pihak RISDA membantu pekebun kecil di kawasan utara menanam benih getah yang bermutu yang memberi pulangan yang lebih baik.

Pengenalan tanaman baru seperti mempelam, kopi serta sayur-sayuran untuk menambahkan pendapatan sampingan telah berjaya menarik minat petani dan pekebun kecil di Perlis. Namun begitu kajian mendapati di antara tanaman-tanaman tersebut tanaman mempelam terus berkembang di Perlis. Tanaman mempelam jenis Harum Manis telah menarik minat masyarakat di luar bandar mengusahakannya secara komersial. Kesimpulannya, Projek IADP Perlis yang telah dilaksanakan telah berjaya meningkatkan pendapatan petani. Malah projek IADP ini menjadi pencetus utama perkembangan ekonomi di bahagian utara serta keseluruhan negeri Perlis.

BIBLIOGRAFI

Bahan Bercetak Kerajaan

Dasar-Dasar Kerajaan Malaysia, Kertas-Kertas Dasar Utama Kerajaan, Pusat Tadbiran Ekonomi dan Dasar Awam (PUTERA), Institut Tadbiran Awam Malaysia. (Tanpa tarikh)

Jabatan Pertanian Negeri Perlis, *Program Dan Aktiviti 1989*, Jabatan Pertanian Negeri Perlis.

Jabatan Pertanian Negeri Perlis, Perancangan Kursus-Kursus Petani, Belia, Beliawanis Tahun 1985 di Pusat Latihan Pertanian Bukit Temiang Perlis, Wisma Negeri Perlis.

Jabatan Pertanian Negeri Perlis, Perancangan Kursus-Kursus Petani, Belia Dan Beliawanis Tahun 1985 di Pusat Latihan Pertanian Bukit Temiang, Perlis.

Jabatan Pertanian Negeri Perlis, Garis Panduan Mengenai Kerjasama Jabatan Pertanian Dengan Lembaga Pertubuhan Peladang Dalam Usaha Meningkatkan Institusi Ladang , Wisma Kerajaan Negeri Perlis.

Jabatan Pertanian Negeri Perlis, Peranan Dan Fungsi Jabatan Pertanian Dan IADP Perlis, Sempena Lawatan Y.A.B Timbalan Menteri Pertanian, Kerajaan Negeri Perlis, Unit Perancang Ekonomi Negeri Perlis Master Plan Study, Financial Proposal For Consulting Services April 1985, Jurutera Perunding Kerajaan Sdn. Bhd in Association With Robert R. Nathan Associates Ins.

Kajian Pelan Pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa Kampung Nisan Perlis Indera Kayangan 1993-2010, Pejabat Projek Perancangan Pembangunan (Alor Setar) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, hlm.2-25. (Tanpa tarikh)

Kerajaan Negeri Perlis, Majlis Penyampaian Bantuan Dan Dialog Sektor Pertanian Di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin Negeri Perlis, Jabatan Pertanian Negeri Perlis.

Kementerian Pertanian Malaysia, Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Negeri Perlis, Pejabat Pengarah Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Negeri Perlis.

Kementerian Pertanian Malaysia, Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Negeri Perlis, Perlis Menjelang 1990 Sektor Pertanian, Pejabat Pengarah Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Negeri Perlis.

Kementerian Pertanian Malaysia, Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Negeri Perlis dan Jabatan Pertanian Negeri Perlis, Kemajuan Perlaksanaan Projek Pembangunan Pertanian Negeri Perlis, Taklimat Kepada Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negeri Perlis, Pejabat Pengarah Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Negeri Perlis, Kangar.

Kementerian Pertanian Malaysia, Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Negeri Perlis, Perlis Menjelang 1990 Sektor Pertanian, Pejabat Pengarah Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Negeri Perlis.

Kementerian Pertanian Malaysia, Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Negeri Perlis Dan Jabatan Pertanian Negeri Perlis, Kemajuan Perlaksanaan Projek Pembangunan Pertanian Negeri Perlis (Taklimat Kepada Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negeri Perlis, Pejabat Pengarah Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Negeri Perlis.

Lembaga Pengurusan Pertanian Persekutuan (FAMA), Senarai Perantara Pasaran bagi Negeri Kedah/Perlis 1991, Cawangan Peristik Pasaran, Unit Peristik FAMA, Alor Setar.

Perlis Master Plan Study, Summary Of Interim Findings And Recommendations For Deliberation By Steering Committee, March 1986.

Program dan Aktiviti Rancangan Malaysia Keempat, Cawangan Pembangunan, Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia , Kuala Lumpur, 1982.

Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975, Kuala Lumpur: Jabatan Pencetakan Kerajaan Malaysia, 1971.

Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1981, Kuala Lumpur: Jabatan Pencetakan Kerajaan Malaysia, 1976.

Taklimat Projek Mengatasi Banjir Sungai Perlis, Empangan Timah Tasoh dan Arau, Jabatan Kebajikan Masyarakat Perlis, Pembangunan Tanah Yang Dijalankan oleh FELCRA Negeri Perlis, FELDA Negeri Perlis, Institut Teknologi Mara Negeri Perlis Sempena Lawatan DYMM Tunku Raja dan YTM Raja Muda Ke Bilik Gerakan Negeri Pada Hari Khamis 26.5.1983.

Berita Pertanian Bil 28, Jabatan Pertanian Perlis. (Tanpa tarikh)

Berita Pertanian Bil. 21, Disember 1977, Jabatan Pertanian Negeri Perlis.

Berita Pertanian Bil 25, Januari 1983, Jabatan Pertanian Perlis.

Berita Pertanian Bil.26, 1984 Jabatan Pertanian Negri Perlis.

Berita Pertanian Bil 23, Disember 1980, Jabatan Pertanian Perlis.

Perlis, Terbitan Kerajaan Negeri Perlis (Tanpa tarikh)

Suara Perlis, Bil.9 Keluaran Kerajaan Negeri Perlis, Januari/Februari 2000.

Suara Perlis, Bil.10 Keluaran Kerajaan Negeri Perlis, Mac/April 2000.

Buku dan Artikel

Abdul Razak Shafaii, *Strategi Perlaksanaan Program Jabatan Pertanian Negeri Perlis, Jabatan Pertanian Negeri Perlis, 1990.*

Ahmad Mahdzan Ayob, *Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP): Perlaksanaan Dan Pengurusannya*, Serdang, Selangor: Universiti Pertanian Malaysia, 1989.

Chamhuri Siwar, *Ekonomi Malaysia*, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia , 1987.

Chamhuri Siwar, *Poverty Profile In Malaysia: Finding From 10 Districts In Peninsular Malaysia dalam Jamilah Ariffin, Population Studies Unit University Of Malaya Research Finding And The Gender Dimension In Malaysia Poverty AMIDST Plenty*, Selangor: Pelandok Publications, 1994.

Just Faarland, Jack Parkinson, Rais B.Saniman, *DEB Pertumbuhan Dan Ketaksamarataan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1991.

Jomo Kwame Sundaran, *Pembangunan Ekonomi Dan Kelas Sosial Di Semenanjung Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1988.

J.Bлом, J.P Van Der Mijl, G.J Tempelman, *Padi Planting In Perlis Malaysia, A Socio-Economic Study In Four Selected Villages*, Department Of Geography Of Developing Countries Geographical Institute University Of Utrecht The Netherlands.

Kamis Dahaman, *Peranan Pegawai Pembagunan Pertanian Dan Pembantu Pertanian dalam Bengkel Perancangan Program dan Aktiviti Jabatan Pertanian Negeri Perlis*, November 1985 di Beachcomber Paradise Hotel.

Mohd Razi Md. Noor, *Perlaksanaan Program Pembangunan Tanaman Mempelam Negeri Perlis dalam Laporan Bengkel Perlaksanaan Program Jabatan Pertanian Negeri Perlis 1990 (17-19 Mac 1990) di Kompleks Pertanian Bukit Temiang*, Perlis, Jabatan Pertanian Negeri Perlis.

PROSIDING SEMINAR INSTITUSI RAJA (SIRaj II):
Seminar Raja Dan Kerajaan Perlis

Nik Hashim Nik Mustapha, *Perancangan Pembangunan Pertanian Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1996.

Zurina Ismail, *Perlis Indera Kayangan*, Selangor: Pelandok Publicatons, 1987.